



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENGANUGERAHAN BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG SESI PENGAJIAN 2020/2021

Kuala Lumpur, 21 Julai, 2020 - KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan berangkat ke Majlis Penganugerahan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong bagi sesi pengajian 2020/2021 di Istana Negara, hari ini.

Pada majlis ini, Al-Sultan Abdullah berkenan mengurniakan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong kepada sebelas (11) penerima yang mana enam (6) penerima akan melanjutkan pengajian dalam program Doktor Falsafah (Ph.D) dan selebihnya dalam program Sarjana (Masters).

Biasiswa Yang di-Pertuan Agong mula diperkenalkan pada tahun 2006 dan sebanyak 14 sesi penawaran telah dilaksanakan sehingga tahun 2019.

Jumlah warganegara Malaysia yang telah ditaja adalah seramai 161 orang iaitu 82 orang untuk pengajian di peringkat Doktor Falsafah dan 79 orang di peringkat Sarjana.

Bidang pengajian yang ditaja meliputi empat (4) bidang utama iaitu Sains & Teknologi, Ekonomi, Undang - Undang dan Kewangan Islam.

Penerima-penerima Biasiswa Yang di-Pertuan Agong boleh melanjutkan pengajian di dalam salah satu bidang tersebut di universiti-universiti terkemuka dunia, yang berkedudukan 20 teratas, atau di universiti- universiti penyelidikan di dalam negara.

Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima BYDPA bagi sesi pengajian 2020/2021. Diharapkan kesemua penerima dapat menamatkan pengajian dengan cemerlang dan seterusnya memberikan sumbangan kepada negara pada masa hadapan.

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 21 Julai 2020

Tel : 03 - 8885 3146/ 3088

Emel : komunikasi@jpa.gov.my

No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (88)

**PENERIMA BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA)
SESI PENGAJIAN 2020/2021**

Calon Ijazah Kedoktoran (Ph.D)

Bil.	Nama & Universiti	Pengkhususan
1.	Noor Amiera Alias Universiti Kebangsaan Malaysia	<i>Pediatric Rehabilitation (Children)</i>
2.	Amalina Hanani Ismail Imperial College of London	<i>Civil & Environmental Engineering</i>
3.	Muhammad Hafizul Hazmi Wahab Universiti Putra Malaysia	Computer Science
4.	Ong Yi Ni University of Oxford	<i>Chemistry</i>
5.	Bryan Lim Wei Tern Imperial College of London	<i>Artificial Intelligence and Robotics</i>
6.	Sivasanghari A/P Karunakaran Universiti Putra Malaysia	Aerospace Engineering

Calon Sarjana

Bil.	Nama & Universiti	Pengkhususan
1.	Mohamad Khairul Hafizi Rahimi Universiti Kebangsaan Malaysia	Electrical Engineering
2.	Nur Khairina Khairu Najihan Universiti of Tokyo	Mechatronics
3.	Farah Syazana Aspar University of Melbourne	Medical Ethics & Medical Jurisprudence
4.	Rohaisha Jamil King's College, London	Undang-undang
5.	Low Suey Yee Universiti Putra Malaysia	Parasitology